

Headline	Program amal cuci kereta kutip RM7,143 untuk MAF	Language	Malay
Date	28 Sep 2009	Page No	S4
MediaTitle	Sinar Harian	Article Size	86 cm²
Section	Selangor & KL	Color	Black/white
Journalist	N/A	ADValue	344
Frequency	Daily	PRValue	1,032
Circ / Read	60,000 /		



Program amal cuci kereta kutip RM7,143 untuk MAF

KUALA LUMPUR – Kakitangan Omron Electronics dan Chevron Malaysia Limited yang mengendalikan Caltex™, bekerjasama mengumpul dana sebanyak RM7,143 untuk Yayasan AIDS Malaysia (MAF) bersempena Hari Memperingati AIDS Sedunia 2009.

Menurut Lim, ia sebahagian daripada tanggungjawab sosial mereka untuk memberi sumbangan kepada orang ramai, khususnya golongan yang memerlukan.

"Sebanyak 100 kereta dicuci dalam program amal yang berlangsung di Caltex, Bandar Utama, yang mana pesertanya terdiri daripada kakitangan syarikat.

"Walaupun cuaca tidak begitu baik, kesemua suka rela dan pemilik kereta memutuskan untuk meneruskan program demi untuk tujuan amal," katanya.

Pada majlis penyampaian cek yang diadakan di Ibu Pejabat Chevron Malaysia Limited, Bukit Damansara, wakil Omron dan Chevron, Penolong Pengurus Pemasaran Kawasan (Malaysia/Singapura/Kemboja) Chevron Malaysia Limited, Albert Lim, menyampaikan cek kepada Eksekutif Kanan bahagian sumbangan, Yayasan AIDS Malaysia, Egmont Oswin.

Difahamkan, dana berkecukupan akan digunakan untuk melaksanakan projek dan menyediakan tempat perlindungan bagi membantu lelaki, wanita dan kanak-kanak yang dijangkiti HIV/AIDS.